KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23.02.22	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JPN PAHANG			



KERJA memusnahkan lebih 200 pokok durian Musang King yang ditanam secara haram dalam hutan milik kerajaan di Sungai Lembing, kelmarin. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

Buat seperti tanah sendiri

Pihak berkuasa musnahkan lebih 200 pokok durian Musang King ditanam secara haram

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Kuantan

Lebih 200 pokok durian Musang King berusia empat hingga lima tahun yang ditanam secara haram dalam hutan milik kerajaan di Kampung Kolong Pahat dan Kampung Seberang, Sungai Lembing di sini, dimusnahkan kelmarin.

Pada masa sama, lebih 2,500 lagi pokok durian sama berusia setahun hingga dua tahun ditemui di lokasi berkenaan akan turut dimusnahkan secara berperingkat.

Terdahulu, penguat kuasa terpaksa memecahkan pintu pagar elektrik untuk masuk ke kawasan tanaman terbabit.

Pegawai Hutan Daerah Kuantan, Pekan dan Maran Norshazlee Roslee berkata, Operasi Penguatkuasaan Bersepadu itu dijalankan selama empat jam bermula jam 10 pagi.

Ia disertai 110 penguat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, Jabatan Alam Sekitar (Jas) Pahang dan Unit Penguat kuasa Negeri Pahang (UPNP).

"Pemantauan mendapati kawasan berbukit seluas lebih lapan hektar diceroboh namun aktiviti pertanian secara berteres hanya dilakukan dalam kawasan kira-kira satu hektar membabitkan Musang King, pisang serta beberapa jenis tanaman lain.

"Kami juga akan musnahkan rumah kongsi dan rumah kuasa solar dalam kawasan hutan milik kerajaan ini," katanya.

Rumah kongsi dan rumah kuasa solar turut akan dimusnahkan

Turut sama memantau operasi ialah Pegawai Daerah Kuantan Tengku Datuk Nor Asmaliza Ku Lah.

Sementara itu, Nor Asmaliza berkata, operasi yang akan dijalankan selama seminggu turut membabitkan aktiviti menanam 3,000 pokok balak berkualiti tinggi.

"Penyertaan penduduk setempat dalam operasi ini membuktikan kegiatan mencerobok tanah milik kerajaan tidak disenangi mereka kerana ia mengundang kejadian tidak diingini seperti hakisan dan banjir lumpur.

"Kami akan terus melakukan pemantauan di kawasan ini bagi memastikan ia tidak diceroboh," katanya.

Beliau turut meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan pencerobohan hutan supaya menyalurkan maklumat itu untuk tindakan lanjut.